

RISIKO POKOK TUMBANG

DBKL laksana pelan strategik urus risiko

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mewujudkan Pelan Strategik Pengurusan Risiko Pokok Teduhan Kuala Lumpur 2024-2030 bagi pengurusan pokok dan pemantauan risiko pokok tumbang di ibu negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, pelan strategik itu diluluskan pada mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pokok Teduhan di Kuala Lumpur yang dipengerusikan beliau pada kelmarin.

Zaliha memaklumkan, di bawah dokumen pelan strategik itu, satu tabung dana amanah awam akan diwujudkan, yang dijangka berfungsi sebagai mekanisme pembiayaan jangka panjang membabitkan sumber daripada kerajaan, swasta dan masyarakat.

Menurutnya, pelan inklusif itu juga mengambil kira banyak faktor termasuk pengambilan arboris atau 'dokter pokok' bagi mendapatkan input daripada pelbagai pihak.

"Dengan keanggotaan 13 orang dalam jawatankuasa itu termasuk dalam kalangan penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), ini ruang un-



Ini ruang untuk kita menyediakan pelan strategik yang baik, bukan saja untuk Kuala Lumpur tapi boleh dikongsi dengan PBT lain"

Zaliha

tuk kita menyediakan pelan strategik yang baik, bukan saja untuk Kuala Lumpur tapi turut boleh dikongsi dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) lain.

"Sudah tentu dalam keadaan cuaca yang tidak menentu, kemungkinan lebih banyak insiden pokok tumbang yang tidak dijangka dan membawa risiko keselamatan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Mohd Nazri Abu Hassan (PN-Merbok)** mengenai usaha DBKL dalam membuat penilaian risiko pokok tumbang di Kuala Lumpur dan memastikan prosedur operasi standard (SOP) pemantauan pokok dapat disera-gamkan dengan PBT lain.